

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH ISLAM DI HOSPITAL SERDANG

## 1.0 PENDAHULUAN

Kematian merupakan satu ketetapan yang mesti ditempuhi oleh setiap manusia sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah Ali-'Imran ayat 185 yang bermaksud: "Setiap yang bernyawa akan merasai mati". Jenazah orang Islam tetap mulia dan perlu diuruskan dengan sebaik mungkin. Kes kematian pesakit di hospital berlaku dalam dua keadaan sama ada pesakit menerima rawatan dan meninggal dunia, ataupun meninggal dunia sebelum tiba di hospital (*brought-in-dead*). Pihak hospital akan memaklumkan keadaan pesakit di dalam wad yang sedang menghadapi kematian kepada waris dengan segera supaya waris dapat bersedia untuk pengurusan jenazah. Pihak waris boleh menghubungi Unit Hal Ehwal Islam di hospital bagi mendapatkan khidmat nasihat, sokongan dan bimbingan semasa menghadapi saat kematian pesakit.

## 2.0 PENGURUSAN PESAKIT NAZAK

2.1 Pihak hospital akan memaklumkan kepada waris tentang keadaan pesakit. Bagi pesakit tenat di wad biasa, kelonggaran diberikan kepada waris untuk menziarah dan berada di sisi pesakit sepanjang masa. Kakitangan wad perlulah menggunakan budi bicara kepada pihak waris dan pelawat dalam situasi genting bagi mengelakkan berlakunya salah faham. Penekanan harus sentiasa diberi kepada pematuhan polisi waktu melawat yang sedia ada.

Bagi pesakit di wad-wad kritikal seperti wad jagaan rapi, waris boleh menziarahi pesakit mengikut polisi yang sedia ada.

2.2 Adab Menziarahi Pesakit Nazak

2.2.1 Waris dan pelawat tidak digalakkan berada di wad dalam bilangan yang ramai serta memendekkan masa lawatan bagi menghormati pesakit-pesakit lain dan tidak mengganggu tugas kakitangan wad.

- 2.2.2 Antara peranan yang perlu dilaksanakan oleh waris dan pelawat adalah seperti berikut :
- a) Meninggikan kepala pesakit agar muka dan dada menghala ke arah kiblat sekiranya mampu.
  - b) Mengajar pesakit mengucapkan kalimah tauhid (*La ilaha illallah*).
  - c) Menitiskan air ke dalam mulut jika pesakit dahaga.
  - d) Mengucapkan perkara yang baik-baik.
  - e) Membaca Surah Yaasin, Ar-Ra'du dan berdoa.

**Nota : Sesetengah perkara boleh dilaksanakan oleh kakitangan wad.**

2.2.3 Memperlahankan suara dan tidak membuat bising di dalam wad.

2.2.4 Mendoakan pesakit sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW: "Ya Allah! Hilangkanlah penyakitnya, wahai Tuhan bagi manusia, melainkan kesembuhan dari-Mu jua, sesuatu kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit. (Hadis riwayat Al-Bukhari)

### **3.0 PROSES KERJA PENGURUSAN JENAZAH**

#### **3.1 Kematian di Wad**

- 3.1.1 Waris perlu dimaklumkan tentang kematian pesakit pada kadar segera sebelum jenazah dipindahkan ke Jabatan Forensik dalam tempoh 1 jam pengisytiharan kematian.
- 3.1.2 Sebarang jarum, *intravenous line* atau kateter perlu ditanggalkan dan tanda tusukan (puncture marks) ditutup dengan plaster. Jika kes memerlukan bedah siasat, semua alatan perubatan tidak perlu ditanggalkan dan kes tersebut perlu dimaklumkan kepada petugas di Jabatan Forensik.
- 3.1.3 Semua kematian perlu dimaklumkan kepada Jabatan Forensik untuk mendapatkan Borang Pendaftaran Kematian dan Permit Mengubur.
- 3.1.4 Kakitangan wad perlu membuat pengesahan status jenazah sekiranya jenazah merupakan pengikrar pendermaan organ.

### 3.2 *Brought-In-Dead (BID)*

Pengesahan kematian bagi kes-kes BID yang dibawa oleh orang awam dibuat oleh Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan & Trauma. Laporan polis akan dibuat sebelum jenazah dibawa ke Jabatan Forensik. Kes-kes BID yang dibawa oleh polis akan dibawa terus ke Jabatan Forensik.

### 3.3 Jabatan Forensik

3.3.1 Pembantu Perawatan Kesihatan akan membawa troli mayat bersama dengan Borang Perakuan Pengamal Perubatan Borang JPN LM 02 dan Borang JPN LM 09 ke awd atau Jabatan Kecemasan bagi tujuan pengambian jenazah.

3.3.2 Penolong Pegawai Perubatan akan memberikan maklumat tentang perkhidmatan pengurusan jenazah yang terdapat di hospital.

3.3.3 Pihak Jabatan Forensik akan memberikan senarai ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dijadualkan kepada pihak waris.

### 3.4 Fungsi Unit Hal Ehwal Islam

3.4.1 Memberi bantuan yang diperlukan oleh waris seperti sokongan rohani, bimbingan dan khidmat nasihat tentang pengurusan jenazah orang Islam.

3.4.2 Memantau pengurusan jenazah Islam yang dilaksanakan oleh pihak ejen atau syarikat pengurusan jenazah Islam.

3.4.3 Memastikan tempat pengurusan jenazah Islam seperti tempat mandi, kafan dan solat dalam keadaan baik.

3.4.4 Menyediakan jadual penggiliran pengendali jenazah Islam beserta garis panduan dan polisi yang perlu dipatuhi daripada semasa ke semasa.

## 4.0 TANGGUNGJAWAB WARIS SELEPAS PESAKIT MENINGGAL

4.1 Perkara-perkara yang perlu dilakukan kepada orang yang baru meninggal dunia:

- a) Membasuh kemaluan
- b) Memejamkan mata jenazah dengan mengurutnya perlahan-lahan
- c) Mengikat dagu jenazah (ikatan antara dagu hingga kepala) supaya mulut tidak terbuka
- d) Melembutkan sendi-sendi dengan cara meregang dan menggerakkan sendi-sendi
- e) Meletakkan tangan di atas dada seperti dalam solat (qiam)
- f) Menutupi keseluruhan jasad jenazah dengan kain

**Nota: Sesetengah perkara boleh dilaksanakan oleh kakitangan wad**

4.2 Antara-lain-lain perkara yang digalakkan adalah:

- a) Sunat memaklumkan berita kematian kepada keluarga dan kenalan terdekat
- b) Bertenang dan redha dengan qada' dan qadar
- c) Membaca Surah Al-Fatihah, Surah Yaasin dan lain-lain surah
- d) Tidak berbual-bual mengenai perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah
- e) Tidak membuka aib dan keburukan jenazah
- f) Dialu-alukan untuk menguruskan jenazah sepenuhnya

4.3 Pelawat hendaklah mengucapkan takziah kepada waris si mati dan membaca doa:

- a) "Ya Allah, ampunilah orang-orang yang hidup antara kami, orang-orang yang telah mati di antara kami". (Hadis Riwayat: Ibnu Majah)
- b) "Ya Allah, ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkan dia dan selamatkan dia". (Hadis Riwayat: an-Nasa'i)

## 5.0 MANDI, KAFAN, SOLAT JENAZAH DAN PENGEBUMIAN

5.1 Urusan mandi, kafan dan solat jenazah bergantung kepada permintaan waris, keadaan penyakit si mati, muallaf, kes polis, jenazah bukan warganegara yang hendak dibawa balik ke Negara asal, jenazah tanpa waris(unknown) dan lain-lain keadaan yang ditentukan mengikut *case-by-case*.

Pengurusan jenazah ini boleh dilakukan di lokasi berikut :

- a) Rumah waris.
- b) Surau, masjid atau kariah berhampiran rumah waris
- c) Bilik pengurusan jenazah di hospital, surau atau masjid yang berdekatan dengan hospital.

5.2 Mandi Jenazah

5.2.1 Tatacara memandikan jenazah :

- a) Dimandikan di tempat yng bersih dan tertutup.
- b) Jenazah ditutup dengan kain pada keseluruhan badan dan bahagian muka boleh dibuka tetapi sebaik-baiknya ditutup.
- c) Jurumandi digalakkan memakai sarung tangan (bagi kes tertentu seperti kes penyakit berjangkit).
- d) Mengurut perut jenazah secara perlahan-lahan dengan tangan kiri bagi mengeluarkan sisa-sisa najis sambil mengalirkan air.
- e) Bersihkan mulut, mata, telinga dan hidung jenazah secara berhati-hati.
- f) Bersihkan kepala dan bulu-bulu pada muka. Gunakan sikat yang jarang jika rambut dan bulu adalah tebal.
- g) Basuh leher dan badan di sebelah lambung kanan, celah-celah kemaluan, dada, lutut hingga ke hujung kaki. Ulang untuk sebelah lambung kiri.
- h) Mandian sebanyak 3 kali di mana mandian yang wajib adalah yang pertama. Boleh ulang kepada lima, tujuh dan seterusnya sehingga bersih.
- i) Menggunakan sabun.
- j) Mandian terakhir menggunakan wangian.

**Nota : Memadai sekadar menggunakan air sahaja untuk memandikan sekiranya tiada bahan-bahan lain seperti yang dinyatakan di atas.**

### 5.3 Kafan

#### 5.3.1 Tatacara mengkafankan jenazah:

- a) Bentangkan sekurang-kurangnya tiga lapisan kain kafan bagi lelaki atau lima lapisan bagi perempuan.
- b) Taburkan wangi-wangian.
- c) Letakkan jenazah secara berbaring dan diqiamkan tangannya.
- d) Tutup rongga-rongga yang terbuka dengan kapas.
- e) Menutup jenazah dan diikat dengan sempurna

### 5.4 Solat Jenazah

#### 5.4.1 Tujuh rukun solat jenazah iaitu:

- a) Niat
- b) Berdiri bagi yang berupaya.
- c) Empat takbir termasuk takbiratul ihram.
- d) Takbir pertama: Membaca surah al-Fatihah
- e) Takbir kedua: Membaca selawat ke atas Nabi SAW.
- f) Takbir ketiga: Membaca doa kepada jenazah
- g) Takbir keempat: Membaca doa lanjutan dan memberi salam.

**Nota: Bacaan dalam solat boleh diperolehi di dalam panduan pengurusan jenazah terbitan Jabatan Agama Islam Negeri.**

### 5.5 Mengebumikan Jenazah

#### 5.5.1 Tatacara pengebumian jenazah:

- a) Jenazah hendaklah diturunkan dengan cermat dan lemah-lembut.
- b) Jenazah diletakkan ke dalam liang lahad dan baringkan pada lambung sebelah kanan dengan menghadap kiblat.
- c) Disandarkan jenazah dengan tanah supaya tidak terbalik atau terpesong daripada menghadap kiblat.
- d) Menutup liang lahad.
- e) Timbuskan tanah dengan perlahan-lahan dan cermat dengan memastikan tanah tidak memasuki liang lahad.
- f) Sunat meninggikan kubur sejengkal daripada paras bumi.
- g) Sunat meletakkan tanda seperti batu nisan.

## **6.0 PENGANGKUTAN JENAZAH**

- 6.1 Waris boleh memohon urusan pengangkutan jenazah menggunakan van jenazah hospital atau berurusan terus dengan surau, masjid atau kariah yang berhampiran hospital di mana kos pengangkutan di tanggung sepenuhnya oleh waris. Caj pengangkutan adalah berdasarkan Akta Fee Perubatan 1951 Pindaan 1982. Caj pengangkutan masjid atau surau adalah mengikut yang telah ditetapkan oleh institusi masing-masing kerana ia adalah di luar kawalan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.2 Bagi kes-kes seperti kes rujukan hospital kerajaan dan pejawat awam rujuk Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 8/94 dan Perintah Am Bab 7.

# GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH ISLAM DI HOSPITAL SERDANG

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan peraturan mengenai perkhidmatan pengurusan jenazah Islam di Hospital Serdang.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Di Hospital Serdang di mana terdapat kes-kes kematian sama ada di wad atau di jabatan kecemasan, tiada sistem khusus yang digunakan bagi menjaga hal-hal pengurusan jenazah dan keluarga si mati.
- 2.2 Senario ini menunjukkan bahawa terdapat sesetengah pihak yang meraih keuntungan daripada kehilangan atau kematian seseorang ahli keluarga. Mereka yang terlibat dengan syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah telah melihat kematian di hospital sebagai satu pelaburan yang menguntungkan. Ahli-ahli keluarga yang sedang berkabung dan bersedih dengan peristiwa kematian salah seorang ahli keluarga mereka didatangi oleh mereka (wakil-wakil syarikat tersebut) yang menawarkan pelbagai pakej dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan jenazah. Keadaan ini amat mengganggu ketenangan fikiran mereka yang masih lagi berkabung, malah terdapat keadaan pesakit di wad yang masih belum menghembuskan nafas terkahir tetapi wakil-wakil syarikat ini telah pun membuat tawaran perkhidmatan mereka pada ahli keluarga yang terlibat.
- 2.3 Secara umumnya adalah menjadi polisi Kementerian Kesihatan setakat ini untuk tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah sebagai salah satu perkhidmatan yang terdapat di semua hospital. Sebaliknya pihak hospital lebih bertindak sebagai **fasilitator** atau pemudah cara dalam memberi pertolongan kepada keluarga si mati untuk mendapatkan perkhidmatan pengurusan jenazah daripada ejen atau syarikat pengurusan jenazah Islam, Jabatan Agama Islam Negeri(JAIN) termasuk Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS), masjid dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) mengikut kemudahan yang terdapat di sesebuah lokaliti.



- 2.4 Polisi penghantaran pulang jenazah oleh pihak hospital dinyatakan pada **para 8.4 Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 8/94 bertarikh 25 Oktober 1994 serta Pindaan (Lampiran 1)**. Merujuk kepada pekeliling tersebut, terdapat 4 jenis keadaan/kes iaitu : Kes Rujukan Kerajaan, Kes Bukan Rujukan Kerajaan, Kakitangan Kerajaan Yang Meninggal di Hospital dan Kes-Kes Kematian Yang Tidak Dibawa Ke Hospital.
- 2.5 Penjelasan berkenaan dengan harga yang dikenakan bagi perjalanan kereta jenazah pula adalah seperti yang terdapat didalam **Akta Fee 1951 iaitu Perintah Fee (Perubatan) 1982 pindaan 1994, Jadual H, Bahagian 2 (ii)**.
- 2.6 Dasar ini akan melibatkan semua kes kematian yang berlaku di wad-wad dan jabatan kecemasan.
- 2.7 Dengan adanya sistem dan dasar yang dicadangkan ini adalah diharapkan pada masa hadapan, ahli keluarga menghadapi situasi ini tidak lagi diganggu dengan masalah seperti ini.

### **3. ISU- ISU BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN JENAZAH**

Beberapa isu telah dikemukakan yang perlu diambil perhatian :

- 3.1 Penglibatan kakitangan hospital di dalam pengurusan jenazah oleh syarikat-syarikat tersebut.
- 3.2 Kekurangan sumber keperluan dari segi menyediakan pengurusan terutama perkhidmatan jenazah seperti kenderaan jenazah dan pemandu kereta jenazah bagi perjalanan yang jauh.
- 3.3 Kenderaan jenazah yang ada adalah tidak di dalam keadaan baik dan sentiasa mengalami kerosakan.
- 3.4 Wakil-wakil syarikat pengurusan jenazah berkeliaran di kawasan hospital.
- 3.5 Ahli keluarga terpaksa menanggung bayaran yang sangat tinggi iaitu kadar tidak dikawal.

#### **4. CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI**

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bil 4/2001 telah bersetuju dengan cadangan-cadangan seperti berikut :

##### **4.1 Bagi hospital yang mempunyai kereta jenazah yang mencukupi,**

Perkhidmatan kereta jenazah hendaklah mengikut Pekeliling KPK Bil. 8/94 dan pindaan 1995.

Caj yang dikenakan adalah mengikut Perintah Fee (Perubatan) 1982, Jadual H, Bahagian 2 (ii).

##### **4.2 Bagi hospital yang tidak mempunyai kereta jenazah atau mempunyai kereta jenazah tapi masih tidak mencukupi,**

Pihak hospital akan menyediakan risalah atau pemakluman berkenaan semua perkhidmatan pengurusan jenazah yang terdapat di lokaliti tersebut bagi memudahkan waris atau keluarga si mati untuk berhubung dengan mana-mana pihak yang difikirkan sesuai. Sebagai fasilitator, pihak hospital perlu memberi bantuan kepada keluarga si mati seperti menghubungi badan-badan kebajikan dan sebagainya tetapi pengurusan jenazah adalah terletak di bawah tanggungjawab waris atau keluarga si mati.

#### **5. FAEDAH-FAEDAH DAN CADANGAN DASAR**

- 5.1 Menyediakan bantuan/pertolongan yang lebih teratur dan prihatin kepada keluarga yang menghadapi kematian di saat perkuburan.
- 5.2 Mencegah wakil-wakil syarikat keranda/kereta jenazah daripada membanjiri kawasan hospital terutamanya di jabatan forensik serta mengganggu dan mengugut pihak keluarga yang terbabit untuk membayar jumlah yang tinggi bagi menguruskan jenazah.
- 5.3 Membantu kakitangan hospital dalam memberi pertolongan dan apa-apa yang diperlukan oleh pihak keluarga yang sedang berkabung itu.
- 5.4 Menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah dengan harga yang berpatutan yang dapat ditanggung oleh ahli keluarga.
- 5.5 Mengelakkan penglibatan kakitangan hospital di dalam pengendalian keranda, menguruskan jenazah atau bertindak sebagai orang tengah di antara wakil syarikat kereta jenazah dan ahli keluarga.

#### **6. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

Pihak negeri dan pengurusan hospital bertanggungjawab memantau pengurusan perkhidmatan pengurusan jenazah dan perkhidmatan yang berkaitan. Suatu sistem dan penilaian perlu disediakan bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah "*patient focussed*", cekap, berkesan dan berkualiti.

## 7. PROSEDUR PENGURUSAN JENAZAH (ISLAM) HOSPITAL SERDANG

### 7.1 Kebenaran Menjalankan Operasi Sebagai Pengurus Jenazah Islam

- 7.1.1 Semua ejen pengurusan jenazah Islam perlu membuat permohonan rasmi kepada pihak pengurusan Hospital Serdang untuk mendapatkan kebenaran menjalankan perkhidmatan sebagai ejen pengurus jenazah Islam.
- 7.1.2 Surat kebenaran rasmi akan dikeluarkan kepada pihak ejen pengurus jenazah Islam berkenaan sekiranya memenuhi criteria yang telah ditetapkan.
- 7.1.3 Setiap ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah diberi kebenaran perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.
- 7.1.4 Hospital Serdang berhak menamatkan perkhidmatan ejen atau syarikat pengurusan Jenazah Islam yang tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan.
- 7.1.5 Setiap ejen atau syarikat yang dilantik hendaklah mengikut jadual penggiliran yang telah ditetapkan oleh Unit Hal Ehwal Islam Hospital Serdang.
- 7.1.6 Sebarang penggantian jadual boleh dilakukan di kalangan ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang berdaftar sekiranya ejen atau syarikat yang bertugas pada hari yang telah dijadualkan tidak dapat hadir bertugas di atas sebab-sebab yang munasabah.
- 7.1.7 Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang tidak mematuhi manual peraturan yang telah ditetapkan dan tidak menjaga nama baik Hospital Serdang akan digugurkan daripada senarai dan perkhidmatan mereka akan diberhentikan serta-merta.
- 7.1.8 Ejen atau syarikat yang tidak mendapat kebenaran rasmi daripada Hospital Serdang adalah **tidak dibenarkan** menguruskan jenazah bagi mengelakkan sebarang permasalahan timbul.

## **8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB EJEN ATAU SYARIKAT PENGURUSAN JENAZAH ISLAM YANG BERDAFTAR DI HOSPITAL SERDANG**

### **A) Pematuhan Jadual Bertugas**

1. Ejen atau syarikat pengurus jenazah islam yang dilantik hendaklah bersedia untuk menjalankan tugas dalam tempoh 24 jam pada hari yang telah dijadualkan.
2. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang dilantik perlu mematuhi jadual yang telah disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam Hospital Serdang.
3. Sekiranya ejen atau syarikat yang dilantik tidak dapat mematuhi jadual yang telah ditetapkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, maka penggantian hendaklah menggunakan ejen atau syarikat yang berdaftar dengan Hospital Serdang sahaja.
4. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik tidak dibenarkan memonopoli pengurusan jenazah Islam di Hospital Serdang.
5. Ejen atau syarikat yang telah dilantik hendaklah memberi bantuan kepada keluarga waris dengan menghulurkan informasi yang tepat seperti penjadualan yang telah ditetapkan dan kemudahan pengangkutan yang telah disediakan.

### **B) Kos Pengurusan Jenazah**

1. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tidak dibenarkan mengenakan kos yang terlalu tinggi kepada waris.
2. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik tidak dibenarkan meraih keuntungan semata-mata daripada kematian.
3. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik tidak dibenarkan memberi insentif / saguhati / hadiah / bonus / wang / upah kepada mana-mana anggota/staf Hospital Serdang.
4. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik perlu mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

### **C) Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah**

1. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah memberi penerangan yang sewajarnya berkenaan Borang Perkhidmatan Pengurus Jenazah Islam Hospital Serdang kepada waris supaya waris dapat melengkapkan borang tersebut.
2. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah memastikan waris telah menandatangani Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang.
3. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam perlulah memastikan Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang dilengkapkan dan ditandatangani setelah menguruskan jenazah.
4. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah memastikan borang yang telah diisi dengan lengkap diletakkan di tempat letak borang yang telah disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam di Jabatan Forensik.
5. Sekiranya pihak Hospital Serdang mendapati ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tersebut tidak menggunakan Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang atas kepentingan sendiri, pihak Jabatan Pengurusan Hospital Serdang boleh mengambil tindakan dengan menarik balik kelulusan sebagai ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam di Hospital Serdang.

### **D) Peraturan Di Bilik Mandi Jenazah**

1. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam digalakkan menyediakan Kit Pengurusan Jenazah masing-masing dengan lengkap.
2. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan Bilik Mandi Jenazah sentiasa berkeadaan bersih selepas digunakan dan menggunakan segala peralatan di Bilik Mandi dengan cermat.
3. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tidak dibenarkan meninggalkan sebarang peralatan peribadi termasuk set kain kafan, kapas, klorok, apron plastik, sarung tangan getah, kasut but, kasut getah, selipar dan baldi atau besen di Bilik Mandi dan Bilik Kafan Jenazah.
4. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tidak dibenarkan menggantung kain atau tuala yang digunakan semasa atau selepas menguruskan jenazah di Bilik Mandi Jenazah.

5. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tidak dibenarkan meninggalkan sebarang sisa peralatan yang digunakan di Bilik Mandi Jenazah dan Bilik Kafan Jenazah.

#### **E) Kenderaan Jenazah**

1. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam boleh memakir (sementara) kenderaan jenazah di kawasan parkir yang telah disediakan di Jabatan Forensik iaitu ketika prosedur pengurusan jenazah Islam sehingga proses penyerahan mayat selesai.

#### **F) Hal-hal Lain Yang Berkaitan**

1. Semua petugas daripada ejen atau syarikat yang menguruskan jenazah Islam di Hospital Serdang hendaklah mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan dan menjaga penampilan dan tatatusila dari semasa ke semasa.
2. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tidak dibenarkan melibatkan anggota hospital sebagai orang tengah di dalam pengurusan jenazah.
3. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah berhubung dengan Unit Hal Ehwal Islam sekiranya terdapat sebarang masalah atau perkara berbangkit.
4. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Hospital Serdang.
5. Sekiranya didapati ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam gagal melaksanakan peranan yang telah ditetapkan dan enggan mematuhi peraturan yang telah digariskan, kelulusan sebagai ejen atau pengurus jenazah Islam boleh ditarik balik.
6. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Forensik untuk memastikan ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah ditamatkan perkhidmatannya tidak melakukan sebarang pengurusan jenazah Islam di Hospital Serdang. Sekiranya didapati ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tersebut masih menguruskan jenazah Islam di Hospital Serdang, tindakan tegas akan dikenakan kepada ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam tersebut mengikut peraturan atau undang-undang lain yang sedia ada.
7. Sebarang peraturan dan undang-undang yang ada hendaklah dipatuhi daripada semasa ke semasa.

## 9. Pengurusan Jenazah Berwaris

1. Waris mempunyai hak untuk memilih sendiri ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam bagi menguruskan jenazah ahli keluarga mereka.
2. Pihak Jabatan Forensik hendaklah memaklumkan kepada pihak waris berkaitan senarai nama pengurus Jenazah Islam, nombor telefon untuk dihubungi dan jadual penggiliran yang telah ditampal di hadapan kaunter Jabatan Forensik dan di hadapan bilik solat jenazah.
3. Pihak Jabatan Forensik hendaklah memaklumkan sekiranya pihak waris ingin menggunakan perkhidmatan pengurus jenazah Islam selain yang terdapat dalam senarai yang diberi kelulusan seperti daripada Jabatan Agama Islam Negeri, masjid dan surau kariah mereka maka ianya dibenarkan dan boleh membuat proses tuntutan mayat di kaunter Jabatan Forensik Hospital Serdang dan penyerahan mayat akan terus dilakukan mengikut prosedur.
4. Sekiranya waris ingin menguruskan jenazah di Hospital Serdang, mereka perlu menggunakan perkhidmatan ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah diberi kebenaran rasmi oleh Hospital Serdang. Ini bagi mengelak sebarang permasalahan yang akan timbul kerana pengurus jenazah Islam luar tidak mengetahui berkaitan manual peraturan yang telah ditetapkan oleh Hospital Serdang.
5. Waris perlu menghubungi ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam sepertimana yang telah dijadualkan pada hari berkenaan mengikut jantina jenazah.
6. Ejen atau syarikat pengurusan jenazah Islam yang telah dilantik perlu hadir dalam tempoh paling lewat **satu (1) jam** selepas menerima panggilan daripada waris.
7. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik hendaklah mengisi **Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang** yang telah disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam dengan lengkap sebelum menguruskan jenazah.
8. Kos urusan jenazah mengikut perkhidmatan yang diberikan dan hendaklah berpatutan.
9. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam dilarang sama sekali mengenakan caj bayaran yang lebih tinggi yang boleh membebankan waris.
10. Anggota dan kakitangan Hospital Serdang tidak terlibat sebagai orang tengah di antara ejen atau pengurus jenazah Islam dan waris.

11. Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang akan direkodkan oleh Unit Hal Ehwal Islam untuk pelaporan.

## **10. Pengurusan Jenazah Tanpa Waris**

1. Jabatan Forensik Hospital Serdang akan memaklumkan kepada Unit Hal Ehwal Islam Hospital Serdang berkaitan jenazah Islam tanpa identiti atau tanpa waris bagi tujuan pengurusan jenazah setelah iaitu selesai semua urusan berkaitan medikolegal atau non medikolegal.
2. Permohonan yang diterima hendaklah lengkap dengan perakuan pegawai perubatan mengenai sebab-sebab kematian (*post mortem*) dan juga permit permohonan pelepasan mayat yang tidak dituntut oleh pihak polis.
3. Unit Hal Ehwal Islam akan melengkapkan dokumen yang berkaitan untuk pengeluaran jenazah yang akan dilupuskan.
4. Unit Hal Ehwal Islam akan menghubungi ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dijadualkan untuk menguruskan jenazah tanpa waris.
5. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam perlu hadir dalam tempoh paling lewat **satu (1) jam** selepas menerima panggilan.
6. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah mengisi Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam Hospital Serdang yang telah disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam dengan lengkap.
7. Ejen atau syarikat pengurus jenazah bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah daripada memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan, menguruskan kenderaan untuk menghantar jenazah ke tanah perkuburan, membantu pihak tanah perkuburan mengkebumikan jenazah dan mentalkin atau membaca doa selepas acara kebumi selesai.
8. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam perlu mendahului kos mereka sendiri semasa menguruskan jenazah Islam tanpa waris dan kos-kos tersebut akan dibayar semula melalui tuntutan kepada Lembaga Zakat Selangor.
9. Jenazah Islam tanpa waris hendaklah dikebumikan di Tanah Perkuburan Seksyen 21 (MBSA) sebagai contoh atau mana-mana lokasi yang berkaitan. Ini bertujuan untuk memudahkan pihak berkuasa mengenalpasti lot kubur sekiranya berlaku penggalian semula atas kes-kes tertentu atau waris si mati dijumpai setelah proses pelupusan dilakukan.



10. Sekiranya terdapat jenazah yang hendak dikebumikan melebihi waktu yang ditetapkan ini maka adalah dinasihatkan agar pengkebumian dilakukan pada keesokan harinya.
11. Kos keseluruhan pengurusan jenazah tanpa waris hendaklah mengikut ketetapan yang telah diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor.
12. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam hendaklah membawa 1 jenazah dengan menggunakan 1 kenderaan sahaja.
13. Ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam yang telah dilantik hendaklah menyerahkan segala dokumen yang lengkap kepada Unit Hal Ehwal Islam seperti salinan kad pengenalan pengurus jenazah, salinan borang daftar kematian/permit mengubur (Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957), salinan SSM, salinan akaun bank yang aktif dan resit kos pengurusan jenazah tanpa waris.
14. Unit Hal Ehwal Islam akan menghantar permohonan tuntutan bayaran kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam tempoh 24-48 jam (1-2 hari) selepas urusan jenazah dilakukan.
15. Lembaga Zakat Selangor telah menetapkan masa yang diambil untuk memproses satu-satu permohonan adalah dalam tempoh 14 hari waktu bekerja.
16. Segala tuntutan berkaitan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang diperlukan dan dihantar ke Unit Hal Ehwal Islam untuk pengesahan dan akan dihantar bersama-sama surat iringan rasmi ke Sektor Sosial Dan Kebajikan Divisyen Agihan, Lembaga Zakat Selangor untuk proses pembayaran.

## **11.PERATURAN KEPADA EJEN ATAU SYARIKAT PENGURUS JENAZAH ISLAM HOSPITAL SERDANG**

- 11.1 Ejen atau syarikat atau pengendali jenazah Islam hendaklah telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) secara sah.
- 11.2 Memohon secara rasmi kepada pihak Hospital Serdang untuk menguruskan jenazah Islam di Hospital Serdang.
- 11.3 Mendapat surat kebenaran rasmi daripada Hospital Serdang bagi bagi menjalankan operasi menguruskan jenazah Islam.
- 11.4 Hendaklah menandatangani surat aku janji yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan Hospital Serdang berkaitan dengan segala peraturan yang telah ditetapkan dan hendaklah dipatuhi daripada semasa ke semasa.
- 11.5 Hendaklah mematuhi jadual penggiliran menguruskan jenazah Islam yang telah dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Islam Hospital Serdang.
- 11.6 Setiap ejen atau syarikat yang telah dijadualkan hendaklah tiba di Jabatan Forensik dengan kadar yang segera iaitu **tidak lebih daripada satu (1) jam** selepas mendapat panggilan daripada waris bagi menguruskan jenazah Islam.
- 11.7 Sekiranya ejen atau syarikat tiba lewat melebihi tempoh masa yang telah ditetapkan tanpa sebarang pemberitahuan kepada pihak waris atau setelah mendapat aduan perkara berkaitan daripada pihak Jabatan Forensik, maka pengurusan jenazah Islam tersebut secara automatik akan diserahkan kepada ejen atau syarikat yang lain yang telah dijadualkan selepasnya untuk diuruskan.
- 11.8 Hendaklah merekodkan kehadiran setiap kali hadir menguruskan jenazah Islam di dalam buku log yang telah disediakan.
- 11.9 Hendaklah mengisi Borang Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Islam yang telah disediakan setiap kali selesai menguruskan jenazah Islam dan diserahkan kepada Unit Hal Ehwal Islam pada setiap minggu.
- 11.10 Sekiranya pihak waris atau ahli kariah menghubungi ejen atau syarikat pengurus jenazah Islam bagi menguruskan jenazah Islam bukan pada masa yang telah dijadualkan, maka pihak ejen atau syarikat tersebut **perluah memaklumkan dengan kadar segera** kepada ejen atau syarikat yang telah dijadualkan pada masa tersebut supaya tidak berlaku sebarang permasalahan.

- 11.11 Bagi jenazah **muallaf** samada berwaris atau tanpa waris pihak ejen atau syarikat yang dijadualkan perlu memaklumkan kepada Unit Hal Ehwal Islam dengan kadar segera bagi tujuan pengesahan dokumentasi pengislaman daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) atau Jabatan Agama Islam Negeri dan yang lain-lain sebelum jenazah itu duruskan.
- 11.12 Bagi jenazah Islam **tanpa waris (*unknown*)**, ejen atau syarikat perlu juga memaklumkan dengan kadar segera kepada Unit Hal Ehwal Islam sebelum jenazah diuruskan.
- 11.13 Bagi jenazah Islam yang dikategorikan sebagai **kurang berkemampuan**, ejen atau syarikat perlu juga memaklumkan kepada Unit Hal Ehwal Islam dengan kadar segera sebelum jenazah diuruskan.
- 11.14 Bagi pengurusan anggota badan, ejen atau syarikat perlu memaklumkan kepada Unit Hal Ehwal Islam dengan kadar segera sebelum diuruskan.
- 11.15 Semua jenazah Islam (warganegara atau bukan warganegara) hendaklah diuruskan oleh ejen atau syarikat pengurusan jenazah Islam sahaja.
- 11.16 Dilarang sama sekali mengambil gambar dan merakam sebarang video dalam kawasan larangan tanpa kebenaran pihak hospital dan dilarang juga memuat naik sebarang bentuk gambar atau video ke dalam apa jua medium media sosial atau apa-apa bentuk bahan cetakan tanpa kebenaran pihak pengurusan Hospital Serdang.
- 11.17 Hendaklah mematuhi segala arahan dan peraturan terkini yang dikeluarkan daripada pihak pengurusan Hospital Serdang daripada semasa ke semasa.

## 12. TINDAKAN KETIDAKPATUHAN

### 12.1 Sekiranya mana-mana ejen atau syarikat yang dilantik gagal mematuhi mana-mana peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Hospital Serdang, maka pihak berkenaan boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

- 12.1.1 Jika didapati melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan melalui aduan yang diterima secara rasmi, dan telah terbukti ketidakpatuhan tersebut, maka pihak pengurusan Hospital Serdang akan mengambil tindakan tegas kepada ejen atau syarikat berkenaan.
- 12.1.2 Sebarang aduan yang hendak dikemukakan, perlulah mengisi borang rasmi aduan yang telah disediakan dan borang tersebut hendaklah dihantar dan dimaklumkan kepada pihak Hospital Serdang dengan kadar yang segera. Semua aduan yang diterima akan diteliti dan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Hospital Serdang. Jika terbukti telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, maka pihak pengurusan Hospital Serdang akan mengenakan tindakan susulan.
- 12.1.3 Tindakan tegas berupa **surat amaran** akan diberikan kepada ejen atau syarikat yang telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Ejen atau syarikat tersebut hendaklah mengemukakan **surat tunjuk sebab** kepada pihak pengurusan Hospital Serdang dalam tempoh masa **tiga (3) hari** daripada tarikh surat amaran dikeluarkan. Kegagalan mengemukakan surat tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan, ejen atau syarikat terbabit akan dikenakan tindakan tegas iaitu **disenarai hitam sebagai pengurus jenazah Islam di Hospital Serdang**.
- 12.1.4 Pihak pengurusan Hospital Serdang akan meneliti dan menilai surat tunjuk sebab yang dikemukakan dan jika terbukti ketidakpatuhan tersebut, maka ejen atau syarikat terbabit akan disenarai hitam dan satu(1) surat rasmi pemakluman akan diberikan.

### 12.2 RAYUAN

- 12.2.1 Ejen atau syarikat yang telah disenarai hitam disebabkan oleh ketidakpatuhan mana-mana peraturan tersebut, boleh mengemukakan rayuan **hanya sekali sahaja** kepada pihak pengurusan Hospital Serdang dengan menghantarkan permohonan secara rasmi dalam tempoh masa selama **tiga (3) hari** daripada tarikh surat tindakan disenarai hitam dikeluarkan.

12.2.2 Sekiranya tiada sebarang rayuan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, maka pihak pengurusan Hospital Serdang akan akan **menarik balik kelulusan** sebagai pengurus jenazah Islam di Hospital Serdang serta-merta tanpa ada kompromi dan surat rasmi pemakluman akan diberikan.

12.2.3 Jika masih lagi melanggar segala peraturan yang telah ditetapkan setelah rayuan dikemukakan, maka pihak pengurusan Hospital Serdang akan **menarik balik kelulusan** sebagai pengurus jenazah Islam di Hospital Serdang serta-merta tanpa ada kompromi dan surat rasmi pemakluman akan diberikan.

### 13. RUJUKAN

- a) Al-Quran.
- b) Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam di Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM).
- c) Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam Dari Aspek Kesihatan Edisi Kedua, 2002.
- d) Cara Pengurusan Jenazah Islam (Buku Panduan Pengurusan Jenazah JAWI). Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- e) International Health Regulations, 2005.
- f) Panduan Mengurus Jenazah. Julai 2015. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- g) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 14/2001
- h) Para 8.4 Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 8/94 – Bil(25) dalam KKM-87(607) bertarikh 25-10-1994 dan Pindaan Para 8.4.
- i) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 8/94 dan Perintah Am Bab 7.
- j) Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bil 4/2001.
- k) Pindaan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan 8/94 – Bil(6) dalam KKM-87(607) Bahagian 2 bertarikh 14-4-1995.
- l) Pekeliling KPK Bil. 8/94 dan pindaan 1995.
- m) Akta Fee 1951 Perintah Fee (Perubatan) 1982, Jadual H, Bahagian 2 (ii).
- n) Tanggungjawab Waris Kepada Si Mati Apabila Berlaku Kematian, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor.
- o) Polisi Perlaksanaan Program Hospital Mesra Ibadah Hospital Serdang.
- p) Kaedah Pengurusan Jenazah Semasa Krisis Wabak Covid-19, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor.
- q) Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, 7 April 2015, Fatwa Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus E-Bola.
- r) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2012, *Standard Operating Procedures Of Forensic Medicine Services*

**Disediakan oleh :**

**(MOHAMMAD HAFIZ BIN BAKREN)**

Ketua Unit Hal Ehwal Islam

Jabatan Pengurusan

Hospital Serdang

Tarikh:

**Disemak oleh :**

**(NUR AIENA BINTI OTHMAN)**

Timbalan Pengarah Pengurusan

Hospital Serdang

Tarikh:

**Diluluskan oleh :**

**(DR ROHANA BINTI JOHAN)**

Pengarah

Hospital Serdang

Tarikh: